

Latihan mantap janjikan kejayaan

27 NOV 1990

B. Harian (M)

DUA puluh lapan peserta kebangsaan didedahkan kepada latihan teknik dan taktik bagi memantapkan cabaran negara pada Kejuaraan Silat Terbuka Malaysia di Stadium Negara, bermula Sabtu ini.

Pengurus pasukan negara, Datuk Haji Nasir Haji Manaf, berkata latihan selama 24 hari diadakan di Dewan Besar Universiti Pertanian Malaysia (UPM) bermula 17 November lalu.

Katanya, latihan harian bermula 6.30 pagi hingga 8 pagi, dengan mengutamakan latihan jasmani dan dari jam 9 hingga 12.30 tengah hari (teknik dan taktik) dan 8.30 malam hingga 10.00 malam (perbincangan teknik dan permarkahan).

"Empat jurulatih berpengalaman, Fadzil Ibrahim, Mohd Nor Mohamad, Osman Jaferi dan Josmadi Jahaya ditugaskan melatih 19 pesilat lelaki dan 19 wanita," katanya, semalam.

Menurutnya, jurulatih sudah diarah memastikan semua pesilat dibekalkan dengan persembahan mantap bagi



■ DATUK HAJI NASIR

mencapat matlamat meraih sekurang-kurangnya lima pingat emas pada kejuaraan itu.

Datuk Haji Nasir berkata latihan kirfa-kira tiga minggu itu akan menghasilkan pesilat yang membawa cabaran dengan baik kerana mereka adalah pesilat berpengalaman di peringkat antarabangsa, termasuk Sukan SEA lalu, Kejohanan Dunia dan Pesta Sukan Brunei.

Beliau yang juga Naib Presiden Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), berkata Indonesia dan Thailand adalah antara 10 negara yang akan bertanding pada kejuaraan itu.

Kejohanan Terbuka Malaysia juga memberi peluang kepada peserta negara membuktikan kemampuan sebagai persembahan untuk menghadapi Sukan SEA di Manila, tahun depan.